

01 SEP 2001

MAHATHIR-LRT

K'JAAN MASIH LAGI KAJI TERMA-TERMA PENGAMBIL ALIHAN LRT

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Kerajaan masih lagi mengkaji terma-terma pengambil alihan kedua-dua pengendali sistem Transit Aliran Ringan (LRT) di Lembah Klang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan tetap akan mengambil alih Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usaha Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) bagi menyusun semula sistem pengangkutan di kawasan itu dan memastikan perjalanan lancar perkhidmatan-perkhidmatan aliran bagi kemudahan orang ramai.

"Kita mesti memastikan yang terma-terma pengambil alihan itu memberi manfaat kepada negara dan orang ramai," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu di sini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar yang menyatakan kerajaan telah menggerakkan semula rancangan untuk mengambil alih kedua-dua pengendali LRT berkenaan dan menukar pinjaman tidak terbayar mereka kepada bon-bon.

Kedua-dua buah syarikat berkenaan mendapati agak sukar untuk membayar semula pinjaman mereka ekoran jumlah penumpang yang rendah.

Laporan itu berkata kerajaan bercadang untuk memiliki 80 peratus daripada sistem aliran bandar, sementara bakinya kepada Renong Bhd, yang memiliki PUTRA, Taylor Woodrow Pls, dana pencen milik negara dan lain-lain pemegang saham.

Di bawah rancangan yang disebut dalam laporan berkenaan, Kementerian Kewangan yang Diperbadankan, akan memiliki 80 peratus kepentingan Syarikat Prasarana Negara Bhd, yang akan membeli syarikat-syarikat aliran ini.

Syarikat Prasarana kemudiannya akan membeli pinjaman daripada para kreditor dengan menerbitkan bon-bon kepada mereka dengan tempoh matang antara lima dan 15 tahun pada kadar kupon antara 4.0 peratus dan 5.40 peratus.

Kerajaan, pada bulan Disember lepas telah mengumumkan yang ia akan mengambil alih aset-aset STAR dan PUTRA dengan menerbitkan bon-bon bernilai RM5.5 bilion menerusi "jentera khas" ataupun Special Purpose Vehicle (SPV) bagi membantu pengendali LRT, tetapi tiga bulan lepas, kerajaan telah memikir semula rancangan itu.

Pada bulan Mac lepas, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Shafie Mohd Salleh memberitahu Dewan Rakyat yang STAR dan PUTRA akan menggunakan bon-bon itu untuk menjelaskan pinjaman-pinjaman komersil mereka dan juga menukar pinjaman kerajaan yang bernilai RM2.275 bilion kepada ekuiti dalam SPV.

Beliau juga berkata yang nilai jumlah aset yang akan diambil alih tertakluk kepada penilaian yang akan dibuat oleh juru perunding bebas.

Kerajaan kemudiannya akan memajakkan aset-aset yang diambil alih itu kepada STAR dan PUTRA untuk membolehkan mereka meneruskan perkhidmatan-perkhidmatan LRT.

Bagaimanapun, kerajaan telahpun menjelaskan yang langkah itu bukan satu "bail out" tetapi disebabkan klausa "step in" dalam perjanjian francais/konsesi yang mana memerlukan kerajaan mengambil alih liabiliti syarikat-syarikat yang mengendalikan LRT sekarang ini sekiranya terdapat "event of default."

Klausa ini bertujuan memastikan yang perkhidmatan LRT tidak terganggu. Di samping itu, kesan risiko sistemik ke atas sistem perbankan yang

disebabkan pinjaman tidak berbayar perlu dielakkan.

Dr Mahathir berkata masalahnya warga Malaysia mahukan layanan kelas pertama tetapi hanya bersedia untuk membayar untuk yuran kelas tiga.

Ditanya bilakah kerajaan akan membuat keputusan ke atas terma pengambil alihan itu, beliau berkata: "Beri kami sedikit masa." -- BERNAMA

HK MR AA